

# Bersatu hati pulihkan ekonomi

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**  
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mengajak semua rakyat bersatu hati menyokong setiap usaha kerajaan memulih dan menstrukturkan semula ekonomi negara bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju sepenuhnya.

Perdana Menteri turut berharap segala usaha kerajaan memastikan kestabilan ekonomi serta kesejahteraan rakyat dapat dipertingkatkan sehingga ke tahun-tahun mendatang.

Dalam perutusan sempena sambutan Tahun Harimau bagi perayaan Tahun Baharu Cina tahun ini, Perdana Menteri berkata, ekonomi Malaysia kini berada pada landasan tepat ke arah pemulihan.

Ini berdasarkan pembukaan semula lebih 90 peratus sektor ekonomi dan kebanyakan aktiviti sosial selain disokong kadar vaksinasi tinggi dengan hampir keseluruhan populasi divaksinasi.

"Dengan momentum pemulihan, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berada pada landasan kukuh untuk terus berkembang antara 5.5 peratus dan 6.5 peratus pada 2022.

"Ia juga selari dengan unjuran oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) pada 6.0 peratus dan Bank Dunia pada 5.8 peratus.

"Pertumbuhan ini akan dipacu terutamanya oleh Bajet 2022 yang mengembang bernilai RM332.1 bilion, normalisasi dalam aktiviti ekonomi dan sosial," katanya.

Ismail Sabri berkata, penyam-



**ISMAIL Sabri Yaakob** menggaol makanan tradisi masyarakat Tionghoa, Yee Sang sempena sambutan Tahun Baharu Cina yang disambut hari ini selepas menyampaikan perutusan khas di Putrajaya, semalam.

bungan semula projek dengan kesan pengganda tinggi dan permintaan luar yang kukuh terutamanya daripada rakan dagang utama juga meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Jelas beliau, semua itu adalah sejajar dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk mencapai nega-

ra berpendapatan tinggi menjelang tahun 2025 melalui pelbagai inisiatif yang digariskan.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berharap peluang masyarakat Tionghoa dapat kembali meraikan Tahun Baharu Cina bersama ibu bapa dan keluarga tercinta dapat mengerat dan mengukuhkan lagi hubungan

kekeluargaan selepas dua tahun terpisah dan meraikannya dari kejauhan.

Namun kata beliau, di kala bergembira, usah dilupakan prosedur operasi standard (SOP) dalam memastikan kita semua dapat terus hidup membendung penularan wabak Covid-19.

"Terima kasih kepada seluruh

masyarakat Cina yang berganding bahu dengan kaum-kaum lain seperti Melayu, India, Kadazan, Dusun, Murut, Iban, Bidayuh dan Melanau sebagai sebuah Keluarga Malaysia.

"Selamat Tahun Baharu Cina saya ucapkan kepada seluruh Keluarga Malaysia yang berketurunan Tionghoa," katanya.